

ANALISIS HERMENEUTIK PUISI SEBAGAI MEDIUM REFLEKSI DIRI DAN TERAPI EMOSI DALAM ANTOLOGI PUISI: BICARA SUNYI (2024)

(Hermeneutic Analysis of Poetry as a Medium for Self-Reflection and Emotional Therapy in the Poetry Anthology: Bicara Sunyi (2024))

Mohamed Nazreen Shahul Hamid¹
nazreen@uum.edu.my

Jacqueline Karimon²
jacquelina@usm.my

Steven Alezender³
stevenalezender@ukm.edu.my

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP), Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah, Malaysia.¹

Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh (PPPJJ), Universiti Sains Malaysia, 11800 Minden, Pulau Pinang, Malaysia.²

Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.³

Pengarang koresponden (*Corresponding author*):¹

Rujukan makalah ini (*To cite this article*): Mohamed Nazreen Shahul Hamid, Jacqueline Karimon, & Steven Alezender. (2026). Analisis hermeneutik puisi sebagai medium refleksi diri dan terapi emosi dalam *Antologi Puisi: Bicara Sunyi* (2024). *Malay Literature*, 39(1), 125–150. [https://doi.org/10.37052/ml39\(1\)no5](https://doi.org/10.37052/ml39(1)no5)

Received: Peroleh:	21/10/2025	Revised: Semakan:	25/11/2025	Accepted: Terima:	2/12/2025	Published online: Terbit dalam talian:	30/6/2026
-----------------------	------------	----------------------	------------	----------------------	-----------	---	-----------

Makalah ini telah melalui proses penilaian sulit berganda (*This article has undergone a double blind peer-review process*)

Abstrak

Kajian ini meneliti *Antologi Puisi: Bicara Sunyi* (2024) yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka serta disusun oleh Ibnu Din Assinghiri, dengan memberikan tumpuan kepada tema-tema utama seperti kesunyian,

cinta, perjuangan peribadi, refleksi diri dan hubungan manusia dengan alam. Kajian ini menggunakan pendekatan analisis tematik dan hermeneutik bagi memahami makna berlapis yang disampaikan melalui simbolisme dan metafora dalam puisi-puisi terpilih. Simbolisme seperti dedaun kering, angin semilir, laut, cermin dan senja digunakan untuk menggambarkan pengalaman emosi manusia yang kompleks, termasuk keterasingan, kehilangan, pencarian identiti dan makna kehidupan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa puisi-puisi dalam antologi ini bukan sahaja berfungsi sebagai ekspresi seni, tetapi turut menjadi medium refleksi diri dan terapi emosi melalui proses introspeksi dan pemaknaan pengalaman hidup. Pendekatan hermeneutik turut memperlihatkan makna puisi berkembang melalui hubungan antara teks, simbolisme dan pengalaman pembaca. Penemuan kajian ini menyerlahkan potensi puisi moden Malaysia sebagai wahana untuk memahami persoalan eksistensi manusia serta membina hubungan emosi yang mendalam antara pembaca dengan teks. Kajian ini menyumbang kepada pemahaman tentang peranan puisi dalam sastra moden Malaysia, khususnya sebagai medium pemaknaan kehidupan dalam masyarakat kontemporari.

Kata kunci: Antologi puisi, hermeneutik, refleksi diri, terapi emosi, simbolisme, puisi moden Malaysia

Abstract

This study examines the Poetry Anthology: Bicara Sunyi (2024), published by Dewan Bahasa dan Pustaka and compiled by Ibnu Din Assingkir, focusing on major themes such as solitude, love, personal struggle, self-reflection, and the human-nature relationship. The study employs thematic and hermeneutic analysis to understand the layered meanings conveyed through symbolism and metaphor in selected poems. Symbolic elements such as dry leaves, gentle breezes, the sea, mirrors, and twilight are used to portray complex human emotions, including alienation, loss, the search for identity, and the meaning of life. The findings reveal that the poems in this anthology function not only as artistic expressions but also as a medium for self-reflection and emotional therapy through introspection and the interpretation of lived experiences. The hermeneutic approach further demonstrates how poetic meaning develops through the relationship between text, symbolism, and the reader's experience. The findings highlight the potential of modern Malaysian poetry as a medium for understanding human existential concerns and for establishing profound emotional connections between readers and texts. This study contributes to the understanding of the role of poetry in modern Malaysian literature,

particularly as a medium for interpreting life within contemporary society.

Keywords: Poetry anthology, hermeneutics, Sself-reflection, emotional therapy, symbolism, modern Malaysian poetry

PENGENALAN

Secara umumnya, puisi telah lama diakui sebagai medium ekspresi emosi dan juga renungan falsafah, yang mampu menyentuh pelbagai dimensi pengalaman manusia. Selain menjadi alat artistik, puisi juga memainkan peranan penting sebagai medium refleksi diri dan terapi emosi. Menurut Muhammad (2005), puisi dapat membantu individu untuk meluahkan perasaan yang sukar diungkapkan secara langsung, memberikan peluang untuk introspeksi mendalam. Hal ini disokong oleh Abdul Halim (2013), yang menyatakan bahawa puisi moden, khususnya yang bertemakan renungan dan emosi, berpotensi menjadi alat untuk membina pemahaman diri dan mendamaikan konflik dalaman. Selain itu, Hera (2018) berpendapat bahawa puisi memainkan peranan penting untuk membina naratif kehidupan yang kompleks, menjadikannya bukan hanya alat komunikasi emosi, tetapi juga wahana untuk menyampaikan isu-isu sosial dan falsafah. Dalam konteks ini, *Antologi Puisi: Bicara Sunyi* (2024), yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka serta disusun oleh Ibnu Din Assinghiri, memperlihatkan kecenderungan penulisan puisi moden di Malaysia yang semakin memberikan tumpuan terhadap persoalan emosi, keresahan batin dan refleksi kehidupan manusia moden.

Antologi ini menjadi menarik untuk diteliti kerana kemunculannya bukan sekadar sebagai antologi puisi biasa, tetapi turut diperagakan sebagai himpunan suara-suara peribadi yang lahir daripada pengalaman sunyi, kehilangan, cinta dan pencarian makna hidup. Penerbitannya oleh Dewan Bahasa dan Pustaka turut memberikan legitimasi terhadap nilai estetika dan pemikiran yang terkandung dalamnya, sekali gus menunjukkan bahawa puisi-puisi yang bersifat reflektif dan emosional masih mendapat tempat dalam perkembangan sastera moden Malaysia. Selain itu, sebahagian penyair dalam antologi ini juga dikenali melalui medium media sosial sebelum karya mereka diterbitkan secara formal. Hal ini memperlihatkan bahawa ruang digital telah membuka peluang kepada penulis baharu untuk membina khalayak pembaca yang dekat dengan pengalaman emosi dan kehidupan harian masyarakat. Hal ini menjadikan *Antologi Puisi: Bicara Sunyi* relevan untuk dikaji kerana puisi-puisinya memperlihatkan kecenderungan sastera semasa yang bukan sahaja menekankan aspek keindahan bahasa, tetapi

juga fungsi sebagai ruang terapi emosi dan refleksi eksistensi. Dengan erti kata lain, antologi ini secara langsung berkaitan dengan persoalan tentang peranan puisi moden Malaysia sebagai medium refleksi diri, terapi emosi dan wahana untuk menzahirkan persoalan eksistensi yang kompleks.

Di samping itu, puisi-puisi dalam antologi ini turut memperlihatkan penggunaan simbolisme dan metafora yang signifikan untuk menyampaikan makna mendalam yang melangkaui batas literal teks puitis. Simbol-simbol seperti dedaun kering, cermin, laut, angin dan senja digunakan untuk menggambarkan pengalaman manusia yang berkaitan dengan keterasingan, kehilangan, ketabahan dan pencarian makna hidup. Pendekatan ini menjadikan puisi-puisi dalam antologi tersebut bukan sekadar teks estetik, tetapi juga teks yang mengandungi lapisan makna yang memerlukan pentafsiran secara mendalam. Dalam konteks ini, kajian terhadap *Antologi Puisi: Bicara Sunyi* menjadi penting kerana masih belum terdapat penelitian khusus yang menumpukan fungsi puisi-puisi dalam antologi ini sebagai medium refleksi diri dan terapi emosi melalui pendekatan tematik dan hermeneutik. Kebanyakan perbincangan tentang puisi moden Malaysia lebih tertumpu kepada aspek gaya bahasa, persoalan sosial atau perkembangan sejarah sastera, sedangkan dimensi refleksi diri dan emosi dalam antologi ini memperlihatkan kecenderungan baharu yang wajar diberikan perhatian.

Bertepatan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk menyelami makna yang terkandung dalam puisi-puisi terpilih dalam antologi tersebut melalui analisis tematik dan hermeneutik. Permasalahan kajian ini adalah untuk melihat sejauh mana puisi moden Malaysia dapat berfungsi sebagai medium refleksi diri, terapi emosi dan juga wahana bagi menzahirkan persoalan eksistensi yang kompleks. Kajian ini juga mempersoalkan peranan simbolisme dan metafora untuk menyampaikan mesej mendalam yang melangkaui batas literal teks puitis. Dengan menggunakan analisis tematik yang disarankan oleh Braun dan Clarke (2006), kajian ini meneliti pola tematik yang berulang dan penggunaan unsur-unsur puitis seperti imejan dan metafora. Pada masa yang sama, teori hermeneutik Gadamer (1989) diterapkan untuk makna tersirat di sebalik simbolisme dalam puisi-puisi terpilih, membolehkan kajian ini menyingkap lapisan makna yang lebih universal. Metodologi ini memberikan pendekatan yang komprehensif untuk memahami mesej puisi-puisi dalam antologi ini yang mencerminkan pengalaman manusia.

Kepentingan kajian ini terletak pada sumbangannya untuk mengangkat nilai puisi moden sebagai medium refleksi dan terapi dalam konteks sosial dan emosi. Dalam dunia yang semakin kompleks, puisi seperti yang

terkandung dalam *Antologi Puisi: Bicara Sunyi* dapat memberikan ruang kepada pembaca untuk merenung kehidupan, menghargai hubungan dengan alam dan memahami diri melalui persoalan eksistensi. Kajian ini bukan sahaja relevan kepada dunia akademik, tetapi juga kepada pembaca umum yang mencari makna dalam teks sastra yang mendalam. Dengan demikian, kajian ini berfungsi sebagai jambatan untuk memahami peranan puisi yang mampu menyatukan emosi, falsafah dan seni dalam dunia sastra moden Malaysia.

KAJIAN LEPAS

Bahagian ini meninjau kajian lepas yang membincangkan peranan puisi dalam konteks refleksi diri dan kesejahteraan emosi. Tinjauan ini penting bagi membina kerangka asas yang kukuh untuk menyokong hujah kajian ini.

Selain itu, setakat penelitian pengkaji, belum terdapat kajian ilmiah yang secara khusus membincangkan *Antologi Puisi: Bicara Sunyi* (2024), sama ada dari sudut analisis tematik, hermeneutik atau fungsi puisi dalam antologi tersebut sebagai medium refleksi diri dan terapi emosi. Begitu juga, belum ditemukan kajian akademik yang secara khusus meneliti penyair-penyair yang terlibat dalam antologi ini. Oleh itu, kajian ini dianggap signifikan kerana berusaha mengisi kelompangan tersebut melalui penelitian terhadap tema, simbolisme dan makna yang terkandung dalam puisi-puisi pilihan dalam antologi berkenaan.

Puisi sebagai Medium Refleksi Diri

Puisi telah lama diiktiraf sebagai instrumen introspeksi yang mendalam. Menurut Niranjan dan Vasanth (2026), puisi berfungsi sebagai “pintu masuk” kepada refleksi diri dan pembentukan identiti. Melalui proses membaca dan menulis puisi, individu mampu mengemudi emosi yang kompleks serta melakukan introspeksi terhadap identiti mereka, sekali gus mendedahkan aspek diri yang tersembunyi (Niranjan & Vasanth, 2026).

Dapatan ini selari dengan pandangan Victoria (2025) yang menyatakan bahawa ekspresi kreatif melalui bait-bait puisi membolehkan penstrukturan semula kognitif (*cognitive restructuring*), yakni individu menilai semula pengalaman hidup mereka melalui lensa estetik. Puisi bukan sekadar susunan kata, malah menjadi “cermin” yang memantulkan jiwa penyair, membolehkan refleksi terhadap pengalaman masa lalu untuk membentuk masa depan yang lebih baik (Niranjan & Vasanth, 2026).

Puisi dalam Terapi Emosi dan Kesehatan Mental

Kajian kontemporari menunjukkan bahawa puisi mempunyai potensi terapeutik yang signifikan untuk mengurus isu kesihatan mental. Septia Rizqi et al. (2025) dalam tinjauan pustaka mereka mendapati bahawa terapi puisi berkesan untuk meredakan ketegangan emosi dan meningkatkan harga diri, serta mengurangkan simptom tekanan, kemurungan dan kebimbangan. Penggunaan bahasa puitis seperti metafora dan simbolisme membolehkan individu mengakses lapisan pengalaman dalaman yang sukar dicapai melalui psikoterapi konvensional secara lisan (Majid, 2025).

Selain itu, Fatimah et al. (2021) menekankan bahawa elemen teknikal dalam puisi seperti diksi, *enjambemen* (sambung larik) dan tipografi merupakan representasi langsung terhadap jiwa penyair yang sedang mengalami pelbagai emosi, sama ada trauma, kesedihan atau kegembiraan. Proses ini dikenali sebagai katarsis emosi, yakni penulisan puisi bertindak sebagai saluran untuk melepaskan beban perasaan yang terpendam (Anjanappa, 2025; Victoria, 2025). Kajian oleh Yang (2026) juga membuktikan bahawa puisi moden yang mengintegrasikan ekspresi emosi dan sokongan sosial mampu memberikan manfaat berpanjangan terhadap pengurangan gangguan psikologi.

Ciri-ciri dan Perkembangan Puisi Moden Malaysia

Puisi moden Malaysia telah melalui evolusi yang ketara sejak beberapa dekad yang lalu, yang memperlihatkan penyair-penyair moden semakin berani bereksperimen dengan bentuk, gaya bahasa dan tema. Menurut Salmah Jan (2024), puisi moden di Malaysia sering kali menggambarkan tema yang dekat dengan realiti masyarakat seperti kehidupan kota, pencarian identiti dan hubungan antara manusia dengan alam. Dalam konteks ini, *Antologi Puisi: Bicara Sunyi* turut sama menampilkan ciri-ciri puisi moden dengan pendekatan yang lebih introspektif dan reflektif, terutamanya melalui tema kesunyian dan kerinduan yang menjadi teras antologi ini.

Penulisan puisi yang bercorak moden juga menunjukkan peralihan daripada puisi-puisi yang bersifat tradisional kepada puisi yang lebih personal dan ekspresif. Hal ini diperkukuhkan oleh kajian Samsina (2021) yang menyatakan bahawa puisi moden Malaysia memberikan ruang kepada penyair untuk meluahkan perasaan dan pengalaman peribadi mereka. *Antologi Puisi: Bicara Sunyi* membuktikan hal ini melalui cara penyair menggali pengalaman peribadi mereka untuk menzahirkan rasa sunyi dan refleksi hidup yang bersifat universal, menjadikan puisi-puisi yang diketengahkan lebih dekat dengan pembaca yang mencari makna di sebalik kehidupan mereka.

Peranan Penyair Tanpa Pendidikan Formal dalam Penulisan Puisi

Kajian lepas ini juga menyoroti peranan penyair-penyair yang tidak memiliki latar belakang formal dalam bidang penulisan kreatif, namun mampu menghasilkan karya yang berkualiti dan berdaya saing. Rocha (2018) mencatatkan bahawa penyair tanpa pendidikan formal sering kali membawa perspektif segar dalam karya mereka, kerana mereka tidak terikat dengan konvensi sastera yang terlalu ketat. Sebaliknya, mereka lebih bebas untuk bereksperimen dengan gaya dan pendekatan bahasa yang unik. *Antologi Puisi: Bicara Sunyi* ialah contoh yang tepat, yakni enam daripada tujuh penyair yang ada, memulakan penulisan mereka melalui media sosial tanpa bimbingan formal, tetapi berjaya menghasilkan puisi yang kaya dengan makna dan emosi.

Hal tersebut seiring dengan pandangan yang diutarakan Sohaimi (2014), iaitu media sosial telah menjadi medan baharu bagi penulis muda untuk berkarya dan saling belajar antara satu sama lain. Melalui platform ini, penyair seperti Iffa Aini Ahmad dan Ibnu Din Assingkirri dapat mempelajari teknik penulisan daripada komuniti mereka secara organik, lalu mengasuh bakat mereka sehingga mampu menghasilkan karya yang dapat diterbitkan secara formal. Kajian ini juga mendapati bahawa penulis tanpa latar belakang formal lebih cenderung mengutamakan ekspresi peribadi dan kejujuran dalam karya mereka, yang bertindak sebagai elemen penting bagi menarik perhatian pembaca moden.

Kepentingan Simbolisme dan Metafora dalam Puisi

Simbolisme dan metafora merupakan alat penting untuk menyampaikan mesej yang mendalam melalui puisi. Sohaimi (2017) dalam kajiannya menjelaskan bahawa simbolisme dalam puisi membolehkan penyair menyampaikan makna yang kompleks melalui gambaran yang mudah difahami. Dalam *Antologi Puisi: Bicara Sunyi*, para penyair menggunakan pelbagai simbol dan metafora untuk menggambarkan kesunyian, harapan dan perjuangan peribadi. Sebagai contoh, penggunaan simbol debu dan batu dalam puisi “Iktibar dari Debu dan Batu” oleh Ibnu Din Assingkirri menggambarkan keinginan untuk berubah dan keluar daripada kekangan yang menyekat pertumbuhan diri.

Kajian oleh Victoria (2025) turut menunjukkan bahawa metafora dalam puisi moden sering kali digunakan untuk membina hubungan antara pengalaman peribadi penyair dengan isu yang lebih universal. Hal ini dapat diteliti dalam puisi seperti “Hablur” oleh Iffa Aini Ahmad yang

menggunakan metafora hablur untuk melukiskan perasaan cinta yang rapuh dan sukar diraih. Melalui simbolisme ini, pembaca dapat merenung dan menyelami makna yang lebih dalam, sekali gus menjadikan pengalaman membaca puisi sebagai proses yang terapeutik dan reflektif.

Sebagai penutup, kajian lepas ini memperlihatkan bahawa *Antologi Puisi: Bicara Sunyi* bukan sahaja mencerminkan perkembangan puisi moden Malaysia yang semakin bersifat reflektif dan introspektif, tetapi turut memperlihatkan potensi puisi sebagai medium refleksi diri dan terapi emosi. Kajian-kajian lepas juga menunjukkan bahawa puisi mempunyai hubungan yang rapat dengan pengalaman emosi, pencarian identiti dan proses memahami kehidupan. Dalam konteks ini, penggunaan simbolisme dan metafora dalam antologi tersebut menjadikan puisi bukan sekadar wahana estetik, tetapi juga ruang untuk pembaca merenung pengalaman hidup, kesunyian, cinta dan hubungan antara manusia dengan alam. Oleh itu, penelitian terhadap antologi ini penting bagi memperlihatkan kekuatan puisi moden Malaysia untuk terus relevan sebagai medium ekspresi emosi dan pemaknaan kehidupan dalam masyarakat kontemporari.

METODOLOGI

Pada asasnya, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif menerusi kaedah analisis teks dengan dua kerangka utama, iaitu analisis tematik dan teori hermeneutik. Pendekatan ini dipilih kerana kerangka memberikan ruang untuk meneliti makna-makna tersirat yang disampaikan melalui simbolisme dan metafora dalam puisi-puisi yang dikaji.

Kaedah Pengumpulan Data

Kajian ini menggunakan kaedah pengumpulan data melibatkan pemilihan puisi berdasarkan variasi tema dan simbolisme yang digunakan oleh penyair. Setiap puisi dianalisis dengan memberikan tumpuan kepada unsur-unsur puisi seperti imejan, metafora dan simbolisme yang menyampaikan makna mendalam di sebalik teks. Pemilihan puisi dilakukan secara teliti bagi mencerminkan pelbagai tema dan pengalaman emosi yang luas, termasuklah kesunyian, cinta, kerinduan, perjuangan peribadi, serta hubungan antara manusia dengan alam semula jadi.

Analisis Tematik

Analisis tematik yang digunakan dalam kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan mengekodkan tema-tema utama yang berulang dalam teks puisi, seperti yang disarankan oleh Braun dan Clarke (2006). Pendekatan

ini membolehkan kajian ini mengkategorikan tema-tema yang muncul dalam puisi-puisi tersebut, mengenal pasti pola yang mendominasi dan menilai cara penyair menggunakan bahasa puitis untuk mengekspresikan pengalaman manusia. Tema seperti kesunyian, cinta yang mendalam, kerinduan, perjuangan peribadi dan ketidakadilan sosial dianalisis untuk mengenal pasti puisi ini disampaikan melalui unsur-unsur puitis.

Teori Hermeneutik

Dalam kajian ini, teori hermeneutik digunakan sebagai kerangka utama untuk memahami makna berlapis dalam puisi yang kaya dengan simbolisme dan metafora. Hermeneutik, seperti yang diperkenalkan oleh Hans-Georg Gadamer (1989), menekankan bahawa proses pemahaman dalam sastera bukan sekadar melibatkan pembacaan literal terhadap teks, tetapi turut melibatkan proses tafsiran yang dipengaruhi oleh konteks sosial, budaya, sejarah dan pengalaman manusia. Dalam tradisi hermeneutik moden, makna sesuatu teks tidak dianggap bersifat tetap atau tunggal, sebaliknya berkembang melalui hubungan dialogik antara teks dengan pembaca.

Menurut Gadamer (1989), setiap teks menuntut pembaca untuk terlibat dalam proses tafsiran yang berterusan, yakni makna dalam teks berkembang melalui interaksi antara pembaca dengan teks itu sendiri. Dalam hal ini, Gadamer memperkenalkan konsep *fusion of horizons* atau “penyatuan ufuk”, iaitu pertemuan antara horizon teks dengan horizon pembaca (Boell & Čećez-Kecmanović, 2014; Rošker, 2023). Horizon teks merujuk konteks penghasilan karya seperti pengalaman, budaya, latar sosial dan niat estetik yang melatari penyair ketika menghasilkan puisi (Ghosh & Miller, 2016). Sementara itu, horizon pembaca pula merujuk pengalaman, pengetahuan, latar sosial dan pemahaman awal (*pre-understanding*) yang dibawa oleh pembaca atau pengkaji ketika mentafsir teks (Boell & Čećez-Kecmanović, 2014; Saki, 2021).

Dalam bacaan hermeneutik, “konteks” dan “pengalaman peribadi” tidak harus dilihat secara dikotomi antara penyair dengan pengkaji, sebaliknya merupakan satu interaksi dialektikal yang saling melengkapi (Saki, 2021). Oleh itu, dalam konteks kajian ini, aspek “konteks” dan “pengalaman peribadi” bukan sahaja merujuk pengalaman penyair yang melatari penghasilan puisi, tetapi juga melibatkan pengalaman dan horizon pemahaman pengkaji sebagai pembaca teks. Hermeneutik melihat proses tafsiran sebagai hubungan timbal balik antara teks dengan pembaca, yakni makna berkembang melalui dialog antara simbolisme dalam puisi dengan pengalaman dan pengetahuan pengkaji ketika mentafsir teks tersebut.

Penggunaan pengalaman peribadi pengkaji dalam analisis ini bukanlah satu tindakan yang mengabaikan teks, sebaliknya merupakan tuntutan metodologi hermeneutik yang menolak konsep “objektivit mutlak” dalam proses pentafsiran (Saki, 2021). Menurut Gadamer, seseorang pengkaji tidak dapat memisahkan dirinya sepenuhnya daripada horizon zamannya sendiri. Oleh itu, pengalaman peribadi pengkaji berfungsi sebagai kanta interpretatif yang membantu menghidupkan semula makna yang terpendam dalam teks (Boell & Ćećez-Kecmanović, 2014; Boota et al., 2025). Apabila pengkaji mengaitkan bait puisi dengan pengalaman emosi dan horizon pemahamannya, proses tersebut memperlihatkan ufuk pengkaji bersatu dengan ufuk teks untuk mencapai pemahaman yang lebih mendalam dan bermakna (Freeman, 2001).

Menerusi konteks analisis puisi, pendekatan hermeneutik amat penting kerana bahasa puisi bersifat padat, simbolik dan berlapis. Simbol-simbol seperti cermin, laut, dedaun, angin dan senja tidak hanya membawa makna literal, tetapi turut mengandungi makna emosi, falsafah dan eksistensial yang berkembang melalui proses tafsiran. Dialog antara “dunia teks” dengan “dunia pengkaji” ini membolehkan makna puisi berkembang melampaui *intentio auctoris* atau niat asal penyair, sekali gus memperlihatkan keberkesanan puisi sebagai medium refleksi diri dan terapi emosi yang bersifat universal (Ghosh & Miller, 2016; Green et al., 2021). Oleh itu, pendekatan hermeneutik membolehkan kajian ini memahami bahawa simbolisme dan metafora digunakan oleh penyair untuk menyampaikan pengalaman manusia yang kompleks dan sukar diungkapkan secara langsung.

Walau bagaimanapun, tafsiran yang dilakukan dalam kajian ini tetap berpandukan unsur-unsur tekstual seperti imejan, metafora dan simbolisme yang terkandung dalam puisi bagi mengelakkan tafsiran yang terlalu subjektif. Dengan demikian, analisis dalam makalah ini adalah selaras dengan kerangka hermeneutik kerana menggabungkan hubungan antara bukti tekstual dengan horizon pemahaman pengkaji untuk menghasilkan interpretasi yang bermakna dan dapat dipertanggungjawabkan secara akademik (Boota et al., 2025; Saki, 2021).

Langkah-langkah Analisis

Analisis dalam kajian ini melibatkan beberapa tahap. Pertama, setiap puisi akan dianalisis secara teliti untuk mengenal pasti tema-tema utama yang muncul dalam teks. Kedua, kod-kod tematik akan dibentuk berdasarkan simbolisme dan metafora yang dominan. Ketiga, tafsiran hermeneutik akan

dilakukan untuk memahami makna tersirat di sebalik simbolisme tersebut yang berkembang melalui interaksi antara pembaca dengan teks,

Dalam proses ini, penting untuk menekankan bahawa makna dalam puisi tidak bersifat, sebaliknya berkembang melalui pengalaman pembaca dan juga konteks sosial yang melingkungi pembacaan tersebut. Oleh itu, tafsiran yang dihasilkan melalui pendekatan hermeneutik ini membolehkan pemahaman yang mendalam terhadap makna puisi, terutamanya dalam konteks sosial dan emosi yang lebih luas.

Justifikasi Pemilihan Metodologi

Pemilihan gabungan analisis tematik dan teori hermeneutik dalam kajian ini memberikan pendekatan yang komprehensif untuk memahami puisi yang sarat dengan simbolisme. Analisis tematik membolehkan kajian ini mengenal pasti pola dan tema yang dominan dalam puisi, sementara teori hermeneutik menyediakan kerangka untuk memahami makna yang tersirat dan berlapis-lapis. Dengan menggunakan kedua-dua pendekatan ini, kajian ini dapat memberikan tafsiran yang lebih mendalam terhadap puisi sebagai satu bentuk seni yang merangkumi pelbagai pengalaman emosi, sosial dan falsafah.

Malah, dengan menggunakan pendekatan kualitatif yang berfokus pada analisis tematik dan teori hermeneutik, kajian ini dapat memberikan analisis yang menyeluruh tentang *Antologi Puisi: Bicara Sunyi*. Melalui gabungan kedua-dua pendekatan ini, kajian ini turut dapat menerangkan bahawa karya-karya dalam antologi ini berfungsi sebagai medium refleksi diri dan terapi dalam menghadapi realiti sosial yang semakin kompleks.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Secara asasnya, pelbagai tema diungkapkan dalam *Antologi Puisi: Bicara Sunyi* melalui penggunaan simbolisme dan metafora yang mendalam. Setiap penyair dalam antologi ini menggunakan gaya penulisan yang unik untuk membawa pembaca mendalami pengalaman manusia yang lebih luas. Melalui analisis tematik dan pendekatan hermeneutik, kajian ini meneliti makna yang tersirat dalam puisi-puisi tersebut, khususnya mengenai penyampaian tema-tema tersebut melalui simbolisme yang pelbagai dan berlapis-lapis. Teori hermeneutik yang diterapkan oleh Gadamer (1989) menekankan pentingnya tafsiran pelbagai lapisan makna, menjadikan pendekatan ini sangat sesuai untuk memahami teks puitis yang bersifat abstrak.

Tema Kesunyian: Kesepian sebagai Ruang Introspeksi

Dengan berdasarkan pemerhatian, kesunyian dalam *Antologi Puisi: Bicara Sunyi* diolah sebagai satu pengalaman emosi yang kompleks, melangkaui persepsi konvensional yang semata-mata bersifat negatif. Sebaliknya, kesunyian digambarkan sebagai ruang introspeksi yang bertindak menghubungkan individu dengan perasaan mendalam dan persoalan eksistensial. Kajian literatur menunjukkan bahawa puisi mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap kesihatan emosional dengan cara meredakan ketegangan dan meningkatkan harga diri melalui proses introspeksi tersebut (Niranjan & Vasanth, 2026). Tema ini mencabar pandangan umum terhadap kesunyian dengan menampilkan unsur atau lambang yang boleh menjadi medium untuk refleksi diri, pencarian makna dan pembentukan semula hubungan dengan kehidupan.

Misalnya, dalam puisi yang diangkat sebagai judul antologi ini, iaitu “Bicara Sunyi” oleh Pena Bayu, imejan dedaun kering yang terasing daripada kehijauan digunakan oleh penulis bagi menggambarkan keterasingan manusia dan rasa kehilangan:

Dedaun kering
Terasing dari kehijauan
Adalah kita yang kesepian.

(*Antologi Puisi: Bicara Sunyi* (2024), hlm. 38)

Simbol dedaun kering ini melambangkan manusia yang terputus daripada sokongan sosial atau makna hidup, berhadapan dengan realiti keterasingan. Melalui pendekatan hermeneutik, Gadamer (1989) menegaskan bahawa simbolisme seperti ini memperlihatkan makna berlapis. Dedaun ini bukan hanya melambangkan kehilangan hubungan sosial, tetapi juga mencerminkan ketidakseimbangan emosi. Penggunaan bait-bait puitis sebegini sebenarnya membolehkan individu melakukan penstrukturan semula kognitif terhadap pengalaman hidup mereka melalui lensa estetik (Victoria, 2025). Kehijauan yang menjadi metafora untuk harapan dan kehidupan, menghasilkan kontras yang tajam dengan dedaun kering, lantas memberikan peringatan tentang sifat sementara kehidupan. Kesunyian di sini menjadi ruang untuk merenungkan perasaan terasing serta peluang untuk memahami diri dalam konteks yang lebih mendalam. Pandangan ini selari dengan konsep Heidegger (1962) tentang “*being-towards-deaths*,” yakni kesedaran terhadap kefanaan kehidupan mencetuskan refleksi yang mendalam tentang tujuan dan makna kewujudan.

Menerusi puisi “Kehilangan” oleh Pena Bayu juga, kesunyian diungkapkan sebagai akibat kehilangan seseorang atau sesuatu yang bermakna dalam hidup. Penyair menulis:

Sunyi yang tertinggal
Adalah ruang rindu
Membilang kenangan
Di garis waktu.

(*Antologi Puisi: Bicara Sunyi* (2024), hlm. 39)

Ruang sunyi selepas kehilangan dalam puisi ini digambarkan sebagai ruang untuk mengenang dan merindui sesuatu yang telah berlalu, menekankan aspek reflektif dan naratif kesunyian. Pendekatan hermeneutik terhadap puisi ini mengungkapkan bahawa manusia cuba berdamai dengan kehilangan melalui proses refleksi yang mendalam. Septia (2025) menyatakan bahawa emosi seperti ini berfungsi sebagai naratif pembentukan diri yang memberikan makna yang lebih mendalam terhadap hubungan manusia dengan masa lalu melalui pengalaman kehilangan yang menjadi sebahagian daripada cerita kehidupan seseorang. Proses ini menyokong fungsi puisi sebagai “pintu masuk kepada refleksi diri yang mendedahkan aspek diri yang tersembunyi semasa individu mengemudi emosi yang kompleks (Niranan & Vasanth, 2026). Dalam konteks ini, kesunyian bukanlah ketiadaan makna, tetapi ruang yang kaya dengan emosi, kenangan dan potensi untuk transformasi diri.

Kedua-dua puisi ini juga menunjukkan bahawa kesunyian boleh menjadi produktif dalam konteks introspeksi. Daripada sekadar memerangkap manusia dalam penderitaan, kesunyian turut membuka ruang untuk memahami dimensi diri yang sering terabai dalam kesibukan kehidupan seharian. Idea ini diperkuatkan oleh Kearney (2003) yang menyatakan bahawa pengalaman eksistensial seperti kesunyian membantu individu mencipta semula hubungan dengan dunia, mencabar persepsi lama dan membuka jalan kepada pemahaman baharu. Kesunyian yang dipaparkan dalam *Antologi Puisi: Bicara Sunyi* bukan sekadar pengalaman pasif, tetapi pengalaman aktif yang mencerminkan kekuatan manusia untuk mencari makna dalam keadaan yang kelihatan kosong dan menyedihkan.

Oleh itu, kesunyian dalam antologi ini diangkat sebagai elemen penting untuk memahami hubungan antara manusia dengan diri dan dunia. Elemen ini mencabar tanggapan normatif tentang kesunyian sebagai sesuatu yang hanya negatif, sebaliknya menawarkan perspektif bahawa kesunyian merupakan ruang refleksi dan penciptaan makna.

Tema Cinta dan Kerinduan: Emosi yang Kekal dan Berlapis

Cinta dan kerinduan dalam *Antologi Puisi: Bicara Sunyi* digarap sebagai emosi yang melangkaui masa, memberikan dimensi yang kekal dan berlapis. Tema ini menggambarkan cinta bukan sekadar perasaan semata-mata, tetapi juga sebagai pengalaman mendalam yang membentuk naratif kehidupan. Kerinduan pula berperanan sebagai elemen penting untuk menghubungkan manusia dengan kenangan, harapan dan keabadian, serta menjadikannya refleksi mendalam terhadap makna kehidupan dan hubungan sesama manusia.

Melalui puisi “Rindu Tidak Berpenghujung” oleh Md Radzi Mustafa, tema kerinduan telah dilukiskan melalui naratif seorang ayah yang kehilangan anak tercinta:

Rindu yang tidak berpenghujung
Akan selamanya kutanggung
Biarpun sudah kuterima demikian takdirnya
Buat seorang putera tercinta

(*Antologi Puisi: Bicara Sunyi* (2024), hlm. 69)

Kerinduan yang digambarkan ini bukanlah perasaan sementara, tetapi menjadi bahagian integral dalam kehidupan seseorang yang berhadapan dengan kehilangan. Simbolisme “rindu tidak berpenghujung” mencerminkan perjuangan emosi untuk menerima takdir yang tragis, manakala rindu menjadi manifestasi cinta yang berterusan walaupun dalam ketiadaan sesuatu. Menerusi sastera, kerinduan sebegini sering kali bertindak sebagai “cermin” yang memantulkan jiwa individu untuk membentuk masa depan yang lebih baik melalui pemahaman masa lalu (Niranjan & Vasanath, 2025). Gadamer (1989) pula menyatakan bahawa pengalaman kerinduan ini berupaya menghubungkan manusia dengan kefanaan hidup, dan rindu menjadi penghubung untuk mengenang cinta yang pernah wujud dan kekal dalam memori. Perspektif ini memperlihatkan rindu bukan hanya sebagai kesedihan, tetapi juga sebagai proses introspektif yang bertindak memperkaya makna hidup.

Sebaliknya, dalam puisi “Kunukil Cinta” oleh Iffa Aini Hamd, cinta ditampilkan sebagai elemen yang abadi, menghubungkan jiwa dengan keabadian melalui metafora “lautan rindu”:

Meski tenggelam ke dasar
Lautan rindu tak bertepi

Setinggi manapun gelombang
Tak membuat cinta itu karam.

(*Antologi Puisi: Bicara Sunyi* (2024), hlm. 3)

Metafora “lautan rindu” sebenarnya menggambarkan cinta sebagai kekuatan yang tidak tergugat oleh cabaran hidup, malah semakin kukuh walaupun diuji. Pendekatan hermeneutik terhadap puisi ini menonjolkan kedalaman cinta yang tidak hanya bersifat emosional, tetapi juga spiritual. Cinta dalam puisi ini melampaui batasan material dan juga fizikal, serta mencerminkan komitmen dan kesetiaan abadi. Ricoeur (2013) menyatakan bahawa simbolisme yang kompleks seperti ini mencerminkan kekuatan naratif manusia, manakala cabaran pula akan mengukuhkan ikatan jiwa yang saling mencintai. Dalam konteks ini, cinta bukan hanya suatu pengalaman peribadi, tetapi juga satu bentuk hubungan transenden yang melibatkan keabadian. Metafora yang kuat ini juga berfungsi dalam proses katarsis, dengan menjadikan penulisan puisi sebagai saluran untuk melepaskan beban perasaan yang terpendam secara sihat (Victoria, 2025).

Metafora alam digunakan bagi kedua-dua puisi ini seperti “lautan rindu” untuk menggambarkan kedalaman emosi manusia. Pendekatan hermeneutik membantu mengungkap makna yang tersembunyi di sebalik simbolisme tersebut, menjadikan puisi sebagai ruang untuk pembaca merenung makna cinta dan kerinduan dalam kehidupan mereka sendiri. Malah, unsur alam turut memberikan dimensi universal kepada tema ini, menjadikan emosi yang dilukiskan dapat dirasakan oleh pelbagai lapisan pembaca.

Secara keseluruhan, tema cinta dan kerinduan dalam antologi ini mencerminkan pelbagai dimensi pengalaman manusia. Menerusi “Rindu Tidak Berpenghujung” kerinduan itu terjadi akibat daripada kehilangan, manakala dalam puisi “Kunukil Cinta” kerinduan menjadi penghubung kepada cinta yang abadi. Kedua-dua puisi ini memperlihatkan cinta dan kerinduan sebagai elemen yang saling melengkapi, melangkaui emosi biasa untuk menjadi refleksi yang mendalam terhadap kehidupan. Pendekatan hermeneutik menonjolkan kekuatan tema ini untuk menghubungkan pembaca dengan pengalaman manusiawi yang kompleks, memberikan makna terhadap perasaan mereka dan menunjukkan pembuktian bahawa cinta dan kerinduan merupakan emosi yang kekal relevan dalam setiap aspek kehidupan manusia.

Tema Perjuangan Peribadi: Ketabahan dan Pengorbanan

Seterusnya tema perjuangan peribadi turut diangkat dalam *Antologi Puisi: Bicara Sunyi* untuk menggambarkan pelbagai bentuk cabaran hidup yang

dihadapi oleh manusia. Puisi-puisi ini memaparkan perjuangan emosi yang mendalam, diolah melalui simbolisme yang rencam bagi mencerminkan ketabahan, pengorbanan dan usaha mencari makna dalam pengalaman hidup.

Sebagai contoh, puisi “Iktibar dari Debu dan Batu” nukilan Ibnu Din Assinghiri mengisahkan dialog metafora antara debu dengan batu, yang masing-masing mewakili sifat fleksibiliti dan kekerasan untuk menghadapi perubahan:

Mentari sedang mengekspresi makna kepanasan. Di bahu jalan
kering, debu sedang meratapi nasibnya.

....

Ah, aku tetap mahukan perubahan; berilah kesempatan untuk
kumerasainya” balas batu.

(*Antologi Puisi: Bicara Sunyi* (2024), hlm. 86)

Simbolisme debu yang diperhambakan angin mencerminkan mereka yang terpaksa menyerah pada keadaan tanpa kawalan, manakala batu melambangkan individu yang gigih berjuang untuk kebebasan dan perubahan. Melalui pendekatan hermeneutik, Gadamer (1989) menegaskan bahawa simbol dalam teks membawa makna berlapis, membuka ruang refleksi tentang konflik antara kestabilan dengan perubahan. Analisis sastera terhadap simbolisme sebegini membolehkan penyair menyampaikan mesej yang kompleks melalui gambaran yang lebih mudah difahami oleh khalayak (Sohaimi, 2017). Mengikut konteks ini, debu dan batu menjadi personifikasi dilema manusia yang berhadapan dengan ketidakpastian, sama ada memilih untuk beradaptasi atau menentang. Pemikiran Fromm (1941) dalam *Escape from Freedom* turut menyokong idea ini, menyatakan bahawa perjuangan untuk kebebasan sering kali melibatkan konflik batin antara kestabilan dengan aspirasi untuk transformasi.

Puisi, “Dia yang Menangis dalam Keringat” juga karya Ibnu Din Assinghiri pula menonjolkan pengorbanan individu untuk kesejahteraan keluarga:

Siapakah menopangkan
Senget tiang dengan pundak
Di kala badai deras melanda...
Dan menenangkan ketakutan
Dengan usapan jemari kasar.

(*Antologi Puisi: Bicara Sunyi* (2024), hlm. 90)

Imej “jemari kasar” merujuk kerja keras dan pengorbanan tanpa mengenal penat demi melindungi orang tersayang. Simbol ini mencerminkan komitmen dan tanggungjawab yang menjadi inti perjuangan peribadi. Ketabahan ini digambarkan melalui diksi dan tipografi yang bertindak sebagai representasi langsung terhadap jiwa penyair yang sedang melalui pelbagai emosi (Fatimah et al., 2021). Sohaimi (2017) menegaskan bahawa pengorbanan individu sering kali menjadi elemen naratif yang menghubungkan pembaca dengan nilai-nilai tradisional seperti kasih sayang dan tanggungjawab keluarga. Menerusi puisi ini, perjuangan dilihat bukan hanya sebagai beban, tetapi juga sebagai ekspresi cinta yang mendalam, yang mana kesusahan diterima dengan tabah demi kesejahteraan orang lain.

Kemudian, dalam puisi “Senja di Teluk Nipah, Ibnu Din Assingkir” menggunakan suasana senja untuk menggambarkan ketenangan selepas melalui cabaran hidup:

Antara ketapang dan buaian
Ada pasti berkilauan
Tentang lautnya
Tiada berombak.

(*Antologi Puisi: Bicara Sunyi* (2024), hlm. 81)

Simbolisme laut yang “tiada berombak” mencerminkan kedamaian yang dicapai setelah perjuangan panjang. Laut sering digunakan dalam hermeneutik sebagai lambang perjalanan hidup, yang mana ombak mencerminkan cabaran dan ketenangan menjadi tanda pencapaian. Gadmer (1989) menyatakan bahawa imej seperti ini mengundang pembaca untuk merenung makna ketenangan dan transformasi setelah melalui pelbagai kesukaran. Konsep ini sejajar dengan pandangan Jung (1964) dalam *Man and His Symbols*, yang menegaskan bahawa simbolisme alam sering menjadi refleksi pada setiap perjuangan dalaman manusia.

Tema perjuangan peribadi yang digarap, berjaya menyerlahkan kekuatan manusia untuk menghadapi cabaran hidup. Puisi seperti “Iktibar dari Debu dan Batu, “Dia, yang Menangi dalam Keringat” dan “Senja di Teluk Nipah” memberikan gambaran mendalam tentang konflik dalaman, pengorbanan dan juga transformasi emosi yang memberi naratif kehidupan. Pendekatan hermeneutik membuka dimensi makna yang lebih luas melalui simbolisme debu, batu dan laut yang mencerminkan sifat universal perjuangan manusia. Dengan menyuarakan pengalaman penuh makna ini, puisi-puisi tersebut menjadi cerminan kepada manusia yang tabah dan ikhlas, serta mampu mengubah cabaran menjadi kekuatan untuk terus maju.

Tema Refleksi Diri dan Falsafah Kehidupan: Pencarian Makna dalam Keterbatasan

Refleksi diri dan falsafah kehidupan sememangnya menjadi tema penting dalam *Antologi Puisi: Bicara Sunyi*, yang mengungkapkan persoalan eksistensialisme yang sering kali bersifat introspektif. Terdapat puisi yang menggambarkan kerumitan jiwa manusia bagi memahami perubahan, keterbatasan waktu dan tujuan hidup dengan menggunakan simbolisme yang mendalam.

Menerusi puisi “Pertanyaan kepada Diri II” oleh Ibnu Din Assinghiri, cermin digunakan sebagai medium refleksi diri yang mendalam seperti yang boleh diteliti seperti berikut:

Mari bertanya
Kepada sosok di cermin
Tentang kekhuatiran apa
Yang membuat roman
Semasam cuka –
Kedutan di tepi mata
Sebelumnya tidak
Begitu ketara. Kini
Sampai bertindan lima.

(*Antologi Puisi: Bicara Sunyi* (2024), hlm. 91)

“Cermin” digunakan oleh penulis sebagai kesedaran terhadap perubahan yang tidak dapat dielakkan, yang mana kedutan dan tanda-tanda usia menjadi petanda kefanaan manusia. Gadamer (1989) menyatakan bahawa simbolisme seperti membuka ruang refleksi untuk memahami kehidupan dalam konteks keabadian dan keterbatasan. Refleksi ini mencerminkan proses “self-reconcillation” yang dinyatakan oleh Taylor (1989) dalam *Sources of the Self*, yakni manusia berusaha mendamaikan diri dengan perubahan fizikal dan emosi sambil mencari makna dalam setiap fasa kehidupan. Puisi ini menggambarkan bagaimana manusia sering kali bertanya tentang makna perubahan dan bagaimana mereka boleh bersedia untuk fasa berikutnya dalam hidup.

Selanjutnya, puisi “Bayangan di Cermin” oleh Azrinna Jamahari pula membawa tiap pembaca merenung dualisme antara jasad yang sempurna di luar dengan jiwa yang hancur di dalam:

Seseorang di dalam cermin
Sedang memandanku
Wajahnya terbelah

Dan tubuhnya retak.
Di hadapannya,
Jasadku sempurna
Tetapi jiwaku telah pecah
Menjadi serpihan.

(*Antologi Puisi: Bicara Sunyi* (2024), hlm. 27)

Imej “cermin” dalam puisi tersebut menyampaikan konflik dalaman yang mendalam. Pecahan cermin melambangkan jiwa yang berantakan akibat tekanan hidup dan harapan yang tidak dipenuhi. Pendekatan hermeneutik mengungkapkan bahawa puisi ini menonjolkan perjuangan manusia untuk mengimbangi gambaran luaran yang kelihatan sempurna dengan realiti dalaman yang rapuh. Menurut Erikson (1963), konflik antara persepsi diri dengan realiti dalaman adalah sebahagian daripada proses perkembangan identiti, sementara itu individu berusaha mencari keseimbangan antara kedua-dua dimensi tersebut. Pencarian identiti ini sering kali diperkuat melalui sokongan sosial dan ekspresi emosi dalam puisi moden yang terbukti membantu penjagaan kesihatan mental (Yang, 2026). Melalui konteks ini, puisi tersebut menyerlahkan keperluan penerimaan diri sebagai langkah penting dalam perjalanan refleksi kehidupan.

Cermin telah digunakan sebagai simbolisme medium refleksi untuk menggambarkan pencarian makna dalam keterbatasan bagi kedua-dua puisi ini. Menerusi “Pertanyaan kepada Diri II”, cermin menjadi simbol introspektif terhadap perubahan fizikal dan penerimaan diri, manakala dalam “Bayangan di Cermin”, cermin menonjolkan konflik antara jasad dengan jiwa. Refleksi yang berlaku menerusi kedua-dua puisi, memperlihatkan bahawa kehidupan merupakan perjalanan yang sarat dengan persoalan eksistensialisme. Setiap individu mencari jawapan melalui pengalaman dan introspeksi peribadi.

Di samping itu, tema refleksi diri dan falsafah kehidupan yang ini bertindak menyoroti keadaan manusia menghadapi perubahan hidup dan keterbatasan waktu dengan kesedaran yang mendalam. Simbolisme seperti cermin menawarkan ruang kepada pembaca untuk merenung hubungan antara jasad, jiwa dan perjalanan hidup. Pendekatan hermeneutik mendedahkan bahawa puisi-puisi ini bukan hanya sekadar gambaran perasaan, tetapi juga satu proses untuk memahami makna kehidupan secara lebih kritis. Melalui persoalan eksistensialisme ini, *Antologi Puisi: Bicara Sunyi* sekali lagi dapat dikatakan menghubungkan pembaca dengan pengalaman manusia yang sejagat dan memberikan ruang bagi introspeksi dan penerimaan diri dalam dunia yang serba kompleks.

Tema Hubungan antara Manusia dengan Alam: Refleksi Kehidupan Melalui Alam

Hubungan antara manusia dengan alam juga ialah tema yang dominan dalam *Antologi Puisi: Bicara Sunyi*. Alam digunakan bukan hanya sebagai latar, tetapi juga untuk simbol emosi dan refleksi mendalam terhadap kehidupan. Penulis mengaitkan elemen alam dengan pengalaman manusia, mencerminkan hubungan simbiosis antara manusia dengan persekitaran yang mendasari keseimbangan fizikal, emosi dan spiritual.

Menerusi puisi “Hutan itu Aku” oleh Marzelan M. Snai, hutan dijadikan metafora bagi jiwa manusia yang menunjukkan kesatuan antara manusia dengan alam:

Hutan dan aku
Punya hati nan satu
Mengalir darah sama
Denyut nadi sejiwa...

(*Antologi Puisi: Bicara Sunyi* (2024), hlm. 57)

“Hati nan satu” membawa simbolisme hubungan simbiosis antara manusia dengan alam, yang mana kesejahteraan manusia bergantung pada kesejahteraan alam. Kajian psikologi menunjukkan bahawa pengalaman bersama-sama dengan alam membolehkan pemulihan emosi dan membantu manusia memahami kompleksiti perasaan mereka sendiri (Kaplan, 1995). Puisi ini mengingatkan pembaca bahawa apabila hutan terancam, jiwa manusia juga akan terganggu, mencerminkan pandangan ekofeminisme yang melihat hubungan antara manusia dengan alam sebagai saling berkaitan (Shiva, 1993). Menerusi pendekatan hermeneutik, mendedahkan bahawa puisi ini menyeru kepada penghargaan terhadap alam, yang dianggap bukan hanya sebagai sumber kehidupan tetapi juga refleksi spiritual manusia.

Beralih pula kepada puisi “Semilir” nukilan Pena Bayu. Menerusi puisi ini, angin semilir telah digunakan sebagai emosi manusia yang tidak menentu:

Gejolak di jiwa
Perlahan dan kencang
Tenang dan gelora
Berpusing dan bias...

(*Antologi Puisi: Bicara Sunyi* (2024), hlm. 41)

Angin digunakan bagi menggambarkan perasaan manusia yang sentiasa berubah-ubah, iaitu kadang tenang seperti semilir, tetapi kadangnya juga bergelora dan tidak terkawal. Simbolisme angin yang berpusat ini mencerminkan dinamika emosi yang memerlukan ekspresi kreatif untuk mencapai ketenangan jiwa (Yang, 2026). Hermeneutik mentafsirkan angin sebagai metafora kepada perjalanan emosi manusia, yakni angin membawa ketidakpastian yang mencabar keseimbangan hidup. Menurut Kaplan (1995), elemen alam seperti angin dapat membantu manusia memahami kompleksiti emosi mereka sendiri, mencerminkan keperluan untuk berhubung dengan alam sebagai cara menenangkan jiwa.

Selanjutnya, menerusi puisi “Ketika Senja Menyapa”, juga oleh Pena Bayu, senja menjadi momen refleksi yang menenangkan:

Tiap kali mentari menyisih
Sinar menyusur dini senja bersama beburung
Jingga berombak di kepulan awan
Bermesra sebenar sebelum berangkat...

(*Antologi Puisi: Bicara Sunyi* (2024), hlm. 34)

Frasa “jingga berombak” mencerminkan keindahan senja sebagai peringatan tentang kefanaan hidup dan kebesaran Tuhan. Senja dengan sifatnya yang sementara, mengundang manusia untuk merenung tentang perjalanan hidup, menghargai keindahan sementara dan juga bersyukur atas peluang untuk hidup. Dalam konteks falsafah, hal ini selari dengan pandangan Schweitzer (1949) tentang “*reverence for life*,”. Dalam hal ini, manusia diajak menghormati semua bentuk kehidupan dan menyedari kebersamaan mereka dalam kosmos.

Tema hubungan antara manusia dengan alam dalam *Antologi Puisi: Bicara Sunyi* menggambarkan bahawa elemen alam dijadikan cerminan kepada emosi, pengalaman hidup dan falsafah manusia. Puisi-puisi seperti “Hutan Itu Aku”, “Semilir”, dan “Ketika Senja Menyapa” menunjukkan bahawa alam bukan sekadar latar, tetapi turut memainkan peranan sebagai simbol introspektif yang mendalam. Penyair menampilkan bahawa keharmonian antara manusia dengan alam menjadi asas kepada kesejahteraan fizikal, emosi dan spiritual, manakala setiap kerosakan pada alam secara langsung memberikan kesan terhadap keseimbangan jiwa manusia.

Melalui simbolisme yang pelbagai, seperti “hati nan satu” yang menggambarkan kesatuan manusia dengan hutan, “gejolak di jiwa” yang diumpamakan seperti angin semilir, dan “jingga berombak” sebagai simbol

kefanaan hidup, penulis membawa pembaca untuk merenung kedudukan mereka dalam ekosistem yang saling berkaitan. Alam menjadi cerminan kepada pergolakan dalaman manusia, yang memperlihatkan keindahan, kekuatan dan keterbatasan elemen-elemen alam untuk menyampaikan naratif kehidupan yang universal. Puisi-puisi ini menyeru manusia untuk menghargai alam bukan hanya sebagai sumber material, tetapi juga sebagai wahana emosi dan spiritual yang membantu memahami kerumitan dalam kehidupan.

Pendekatan hermeneutik mengungkapkan bahawa hubungan antara manusia dengan alam dalam puisi-puisi ini adalah lebih daripada sekadar interaksi fizikal, menjadi penghubung antara jiwa manusia dengan alam semesta, mencipta ruang untuk refleksi, penyembuhan dan pemahaman yang mendalam. Alam menjadi simbol keterhubungan manusia dengan yang lain, memperkuat pandangan bahawa kelangsungan manusia bergantung pada kelestarian alam.

Tuntasnya, tema hubungan manusia dengan alam dalam antologi ini bukan sahaja relevan dalam konteks ekologi dan kelestarian, tetapi juga dalam pencarian makna hidup. Pengkaji berjaya menyampaikan mesej bahawa menghormati alam bermakna menghormati diri sendiri, kerana alam ialah cerminan perjalanan dan emosi manusia. Kesedaran terhadap hubungan ini dapat mewujudkan rasa penghargaan yang lebih mendalam terhadap keindahan alam dan peranannya dalam kehidupan, lantas menjadikan puisi sebagai medium untuk menghubungkan pembaca dengan aspek universal kewujudan manusia.

KESIMPULAN

Kajian ini mendapati bahawa *Antologi Puisi: Bicara Sunyi* yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, dan disusun oleh Ibnu Din Assinghiri merupakan sebuah antologi yang signifikan dalam perkembangan puisi moden Malaysia kerana berjaya mengangkat pengalaman emosi, refleksi diri dan persoalan eksistensial melalui pendekatan puitis yang simbolik dan mendalam. Melalui analisis tematik dan pendekatan hermeneutik, kajian ini memperlihatkan bahawa puisi-puisi dalam antologi ini bukan sekadar berfungsi sebagai ekspresi seni, tetapi turut menjadi medium refleksi diri dan terapi emosi yang relevan dengan pengalaman manusia moden yang semakin kompleks. Tema-tema seperti kesunyian, cinta, perjuangan peribadi, refleksi diri dan hubungan manusia dengan alam memperlihatkan bahawa puisi mampu menjadi ruang introspeksi dan pencarian makna hidup.

Selain itu, kajian ini turut membuktikan bahawa penggunaan simbolisme dan metafora dalam antologi ini memainkan peranan penting untuk menyampaikan makna yang melangkaui batas literal teks puitis. Simbol-simbol seperti dedaun kering, laut, angin, cermin dan senja bukan sahaja berfungsi sebagai unsur estetik, tetapi turut menjadi wahana untuk menggambarkan pengalaman emosi, konflik dalaman dan persoalan falsafah kehidupan manusia. Pendekatan hermeneutik Gadamer (1989) membolehkan makna-makna ini difahami secara lebih mendalam melalui hubungan dialogik antara horizon teks dengan horizon pembaca. Dalam konteks ini, makna puisi berkembang melalui interaksi antara pengalaman penyair, simbolisme teks dan pengalaman pembaca atau pengkaji, menjadikan puisi sebagai ruang interpretasi yang dinamik dan sentiasa terbuka kepada pelbagai kemungkinan makna.

Di samping itu, kajian ini juga mengisi kelompangan kajian sedia ada kerana masih belum terdapat penelitian khusus yang meneliti *Antologi Puisi: Bicara Sunyi* daripada sudut refleksi diri, terapi emosi dan pendekatan hermeneutik. Penelitian ini memperlihatkan bahawa puisi moden Malaysia tidak lagi hanya tertumpu kepada persoalan sosial atau estetika bahasa semata-mata, tetapi turut berkembang sebagai medium untuk memahami keresahan manusia moden, pengalaman psikologi dan pencarian identiti diri. Hal ini sekali gus menunjukkan bahawa puisi moden Melayu masih mempunyai kedudukan penting dalam masyarakat kontemporari, khususnya dalam membantu pembaca memahami emosi dan pengalaman hidup mereka sendiri.

Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan bahawa *Antologi Puisi: Bicara Sunyi* berjaya memperlihatkan potensi puisi sebagai medium seni, refleksi falsafah dan terapi emosi yang mampu menghubungkan pembaca dengan pengalaman manusia yang bersifat universal. Melalui penggunaan bahasa yang simbolik, reflektif dan berlapis, antologi ini membina hubungan emosi yang mendalam antara teks dengan pembaca, sekali gus memperlihatkan bahawa puisi moden Malaysia terus relevan bagi mendepani realiti kehidupan semasa. Penemuan kajian ini bukan sahaja memberikan sumbangan terhadap bidang akademik, malah turut memperkukuh pemahaman tentang peranan puisi sebagai wahana untuk manusia merenung diri, memahami kehidupan dan mencari makna dalam dunia yang semakin rumit dan mencabar.

PENGHARGAAN

Pengarang merakamkan penghargaan kepada Universiti Utara Malaysia atas sokongan yang diberikan dalam penulisan makalah ini.

SUMBANGAN PENGARANG

Mohamed Nazreen Shahul Hamid: Bertanggungjawab terhadap konsep dan kerangka kajian, termasuklah perancangan analisis tematik dan hermeneutik yang digunakan. Selain itu, beliau turut menulis bahagian pengenalan, metodologi dan kesimpulan, serta menyelaraskan keseluruhan struktur artikel; Jacqueline Karimon: Menyumbang kepada analisis data dan pengumpulan maklumat yang berkaitan dengan tema-tema utama dalam *Antologi Puisi: Bicara Sunyi*. Beliau juga menyemak dan memperhalus bahagian analisis tematik untuk memastikan dapatan kajian relevan dan menyokong objektif kajian; Steven Alezender: Bertanggungjawab terhadap semakan akhir artikel, termasuklah penyuntingan bahasa dan format rujukan mengikut gaya APA Edisi ke-7. Beliau turut memberikan input dalam bahagian perbincangan untuk memperkuat hujahan dan interpretasi kajian berdasarkan simbolisme dalam puisi.

PENDANAAN

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

PENYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

PERISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebagai konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

RUJUKAN

- Abdul Halim Ali. (2013). *Di sekitar puisi Melayu moden*. Penerbit UPSI.
- Anjanappa, S. (2025). Poetry and mental health: Exploring the therapeutic power of the written word. *Shanlax International Journal of Arts, Science and Humanities*, 12, 194–197. <https://doi.org/10.34293/sijash.v12is4.may.9183>
- Boell, S. K., & Čécež-Kecmanović, D. (2014). A hermeneutic approach for conducting literature reviews and literature searches. *Communications of the Association for Information Systems*, 34. <https://doi.org/10.17705/1CAIS.03412>
- Boota, S., Shahzad, S., & Ameen, H. (2025). Hermeneutic analysis: Effect of poetic text on individuals' perceptions. *Journal of Arts and Linguistics Studies*, 3(1), 1673–1695. <https://doi.org/10.71281/jals.v3i1.295>
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101.

- Erikson, E. H. (1963). *Childhood and society* (2nd ed.). W. W. Norton & Company.
- Fatimah, S., Ngatmini, N., & Kurniawan, L. A. (2021). The poetry's potencies as emotion therapy media in Society 5.0. *Diksi*, 29(1), 30–40. <https://doi.org/10.21831/diksi.v29i1.33204>
- Freeman, M. (2001). "Between eye and eye stretches an interminable landscape": The challenge of philosophical hermeneutics. *Qualitative Inquiry*, 7(5), 646–658. <https://doi.org/10.1177/107780040100700508>
- Fromm, E. (1941). *Escape from freedom*. Farrar & Rinehart.
- Gadamer, H.-G. (1989). *Truth and method* (2nd ed.). Crossroad.
- Ghosh, R., & Miller, J. H. (2016). *Thinking literature across continents*. Duke University Press. <https://doi.org/10.1215/9780822373698>
- Green, E., Solomon, M., & Spence, D. (2021). Poem as/and palimpsest: Hermeneutic phenomenology and/as poetic inquiry. *International Journal of Qualitative Methods*, 20. <https://doi.org/10.1177/16094069211053094>
- Heidegger, M. (1962). *Being and time*. Harper & Row.
- Hera Wahdah Humaira. (2018). Analisis sosiologi sastra puisi Tere Liye sebagai pembelajaran sastra di masyarakat. *Lensa: Kajian Kebahasaan, Kesastraan dan Budaya*, 8(2), 131–160. <https://doi.org/10.34293/sijash.v12iS4.May-9176>
- Ibnu Din Assingkiri (Ed.). (2024). *Antologi puisi: Bicara sunyi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jung, C. G. (1964). *Man and his symbols*. Doubleday.
- Kaplan, R. (1995). *The experience of nature: A psychological perspective*. Cambridge University Press.
- Kearney, R. (2003). *Strangers, gods, and monsters: Interpreting otherness*. Routledge.
- Majid, K. B. (2025). *Poetry therapy as an integrative psychotherapeutic intervention: Theories, mechanisms, applications, and research directions*. Zenodo (CERN European Organization for Nuclear Research). <https://doi.org/10.5281/zenodo.17771369>
- Muhammad Haji Salleh. (2005). *Pengalaman puisi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Niranjan, K. J., & Vasanth, B. S. (2026). The power of poetry: A gateway to self-reflection and identity: Exploring poetry as a mirror to the soul. In M. Napoli, D. Day, & B. Ward (Eds.), *Celebrating poetry across the K–12 curriculum* (pp. 443–466). IGI Global Scientific Publishing. <https://doi.org/10.4018/979-8-3693-7778-9.ch017>
- Ricoeur, P. (2013). *Time and narrative* (Vol. 1). University of Chicago Press.
- Rocha, P. (2018). Selfie to self: Reinventing poetry on social media platform. *Journal of Emerging Technologies and Innovative Research (JETIR)*, 5(10), 146–152.
- Rošker, J. S. (2023). The Gadamerian discourse in China and the fusion of aesthetic realms. *Asian Studies*, 11(1), 299–316. <https://doi.org/10.4312/as.2023.11.1.299-316>

- Saki, M. (2021). Hermeneutics, retranslation and paratext: A case study of Seamus Heaney's preface to his retranslation of *Beowulf*. *Research in Language*, 19(4), 353–367. <https://doi.org/10.18778/1731-7533.19.4.02>
- Salmah Jan Noor Muhammad. (2024). Pemikiran dan perutusan introspeksi diri dalam karya sastra Islam Sabah. Dlm. Mohamed Nazreen Shahul Hamid, Rohaya Md Ali, & Mohd Haniff Mohammad Yusoff (Eds.), *Kritikan kontemporari dalam karya sastra* (hlm. 28–39). UUM Press.
- Samsina Abd. Rahman. (2021). *Sastra Melayu Islam: Konsep, teori dan aplikasi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Schweitzer, A. (1949). *Reverence for life*. Harper & Brothers.
- Septia Rizqi, N. A., et al. (2025). Pengaruh puisi terhadap kesehatan emosional: Sebuah tinjauan pustaka. *KIRANA: Social Science Journal*, 2(1), 16–19. <https://doi.org/10.61579/kirana.v2i1.278>
- Shiva, V. (1993). *Monocultures of the mind: Perspectives on biodiversity and biotechnology*. Zed Books.
- Sohaimi Abdul Aziz. (2014). *Teori dan kritikan sastra* (2nd ed.). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sohaimi Abdul Aziz. (2017). *Novel dan puisi dalam kritikan sastra*. Penerbit USM.
- Taylor, C. (1989). *Sources of the self: The making of the modern identity*. Harvard University Press.
- Victoria, M. J. (2025). Healing through verse: The therapeutic power of poetry and creative expression. *Shanlax International Journal of Arts, Science and Humanities*, 12(S4), 160–163. <https://doi.org/10.34293/sijash.v12iS4.May-9176>
- Yang, Q. (2026). Modern poetry mental health care based on emotional expression and social support. *Schizophrenia Bulletin*, 52. <https://doi.org/10.1093/schbul/sbag003.197>